
AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Aku Janji diberikan oleh –

1. Seance Marketing Vacations Sdn Bhd;
2. Chin Peng Lorry Transport Sdn Bhd;
3. Film Asia Pacific Sdn Bhd;
4. Room Interior Products Sdn Bhd;
5. William Driving Agency;
6. Boss N Expat Travel Sdn Bhd;
7. Big Asia World Travel & Tour Sdn Bhd; dan
8. Mon Li Travel & Tour Sdn Bhd

kepada Suruhanjaya Persaingan.

AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Menurut seksyen 43 Akta Persaingan 2010 ("Akta 712"), Aku Janji ini diberikan oleh pemegang jawatan dan ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Van Pelancongan Malaysia ("PVPM") iaitu perusahaan yang beroperasi dalam pasaran perkhidmatan pengangkutan van pelancongan di Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai "Perusahaan") kepada Suruhanjaya Persaingan ("Suruhanjaya").

PERUSAHAAN YANG MEMBERI AKU JANJI INI

1. Aku Janji ini diberikan kepada Suruhanjaya oleh *Persatuan Van Pelancongan Malaysia* ("PVPM") (No. Pendaftaran ROS: PPM-016-14-13032019) iaitu sebuah persatuan yang berdaftar di Malaysia dan beroperasi di No. 7-2 Jalan 5/154D, Taman Desa Cheras 56100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan oleh Perusahaan berikut:

BIL.	NAMA AHLI	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
1.	Sim Kai Siong (Pengerusi)	Seance Marketing Vacations Sdn Bhd	No. 7-2R, Jalan 5/154D, Taman Desa Cheras, 56100 Kuala Lumpur
2.	Gan Teck Hwa (Timbalan Pengerusi)	Chin Peng Lorry Transport Sdn Bhd	Tingkat 1, No. 20, Jalan Kemboja 12, Taman Aman, 42700 Banting, Selangor

BIL.	NAMA AHLI	NAMA PERUSAHAAN	ALAMAT PERUSAHAAN
3.	Alex Fong Hiong Hou (Penolong Setiausaha)	Film Asia Pacific Sdn Bhd	No. 157, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
4.	Tan Poon Chung (Bendahari)	Room Interior Products Sdn Bhd	55-2, Jalan Equine 10, Taman Equine, 43300 Seri Kembangan, Selangor
5.	Roger Lam Kane Leong (Ahli Jawatankuasa)	William Driving Agency	No. 24M, Jalan SS21/35, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor
6.	Lee Seong Lin (Ahli Jawatankuasa)	Boss N Expat Travel Sdn Bhd	9A, 1st Floor, Jalan Kapar, 41400 Klang, Selangor
7.	Max Leong Wai Han (Ahli Jawatankuasa)	Big Asia World Travel & Tour Sdn Bhd	No.16-2, Jalan C180/1, Dataran C180, 43200 Cheras, Selangor
8.	Mac Lee Yap Sze (Ahli Jawatankuasa)	Mon Li Travel & Tour Sdn Bhd	2A-D, Tingkat 2, Jalan 6/2, Taman Komersial Pandan Indah, Kuala Lumpur

Latar Belakang

2. PVPM merupakan sebuah persatuan yang terdiri daripada individu dan perusahaan yang menjalankan aktiviti dalam pasaran perkhidmatan pengangkutan van pelancongan di Malaysia.
3. Pada 30 Mac 2026, PVPM, *Malaysian Inbound Tourism Association* ("MITA"), *Malaysian Indian Tour & Travel Association* ("MITTA") dan *Malaysian Tourist Guide Council* ("MTGC") secara bersama telah mengadakan suatu sidang akhbar di Dorsett Hotel, Kuala Lumpur. Semasa sidang akhbar tersebut, tambang siling bagi perkhidmatan bas pelancongan dan van pelancongan telah diumumkan secara terbuka, berkuat kuasa mulai 1 April 2026. Tambang siling yang diumumkan tersebut disediakan kepada hadirin melalui kod imbasan QR yang dipaparkan semasa sidang akhbar.
4. Berikutan sidang akhbar tersebut, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YB Datuk Armizan bin Mohd Ali, telah mengarahkan Suruhanjaya untuk memulakan penyiasatan di bawah seksyen 14(2) Akta Persaingan 201 berhubung kemungkinan pelanggaran seksyen 4(1) dibaca bersama seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010.
5. Melalui penyiasatan Suruhanjaya, Suruhanjaya mendapati bahawa MITA telah menunjukkan koordinasi dengan persatuan-persatuan lain untuk menganjurkan suatu sidang akhbar bersama dan mengumumkan tambang siling bagi perkhidmatan pengangkutan bas pelancongan dan van pelancongan.

6. Walaupun Suruhanjaya mempercayai bahawa perlakuan tersebut berkemungkinan menimbulkan isu persaingan di bawah seksyen 4(2)(a) dibaca bersama seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya telah menerima aku janji yang diberikan oleh Perusahaan menurut seksyen 43 Akta Persaingan 2010. Suruhanjaya berpuas hati bahawa aku janji ini akan memastikan penamatan serta-merta perlakuan tersebut dan memberikan remedi yang berkesan serta cepat demi kepentingan awam tanpa perlu meneruskan kepada keputusan pelanggaran di bawah seksyen 40 Akta Persaingan 2010.

Penguatkuasaan Aku Janji

7. Aku Janji ini berkuat kuasa apabila:
- (i) Pengerusi PVPM menandatangani Aku Janji ini bagi pihak PVPM dan Perusahaan; dan
 - (ii) Suruhanjaya menerima dan menandatangani Aku Janji ini.
8. Setelah Aku Janji ini berkuat kuasa, Perusahaan hendaklah mematuhi obligasi yang dinyatakan dalam perenggan 9 hingga 11 di bawah. Menurut seksyen 43(2) Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya hendaklah menutup penyiasatan tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas perusahaan.

Aku Janji

9. Perusahaan dengan ini memberi aku janji kepada Suruhanjaya bahawa mereka akan:

- (i) mengeluarkan satu pengumuman untuk memohon maaf kepada orang awam ("Pengumuman") dalam bentuk dan kandungan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan memastikan Pengumuman tersebut dikemukakan kepada media yang berkaitan;
- (ii) menerbitkan dan memaparkan Pengumuman tersebut melalui cara berikut:
 - (a) di halaman Facebook rasmi PVPM, di mana ia hendaklah kekal dipinkan bagi tempoh berterusan selama tiga puluh (30) hari; dan
 - (b) di mana-mana laman sosial yang lain, sekiranya ada.
- (iii) dengan serta-merta mengeluarkan dan berhenti menerbitkan dan menyebarkan semua video, gambar, rakaman, jadual harga dan apa-apa bahan lain yang berkaitan dengan sidang akhbar yang diadakan pada 30 Mac 2026 daripada semua laman web, platform media sosial dan saluran digital yang berada di bawah kawalan Perusahaan;
- (iv) berhenti dengan serta-merta dan tidak terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam apa-apa perlakuan penetapan harga, penyelarasan harga dan/atau memberi isyarat harga berkaitan perkhidmatan pengangkutan van pelancongan atau apa-apa perkhidmatan berkaitan pelancongan atau pengangkutan yang lain;

- (v) mengedarkan suatu salinan Aku Janji ini yang diberikan kepada Suruhanjaya ini kepada setiap ahli PVPM masing-masing melalui WhatsApp dan menyediakan salinan bukti edaran tersebut kepada Suruhanjaya; dan
 - (vi) melantik seorang peguam yang berkecualan atau pakar undang-undang persaingan untuk mengendalikan satu program advokasi undang-undang persaingan bagi semua ahli jawatankuasa dan ahli PVPM dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh Aku Janji ini. Program tersebut hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya syarat dan larangan di bawah Akta Persaingan 2010 termasuk panduan berkenaan perbincangan berkaitan harga, pengumuman bersama dan perlakuan bersepadu.
10. Perusahaan mengakui dan bersetuju bahawa, sekiranya mereka terlibat dalam apa-apa perlakuan selepas tarikh Aku Janji ini yang berbentuk suatu pelanggaran Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya boleh menyiasat perlakuan tersebut bersama-sama dengan perlakuan yang berbangkit daripada sidang akhbar yang diadakan pada 30 Mac 2026 sebagaimana yang diterangkan di atas. Penerimaan Aku Janji ini tidak menghalang Suruhanjaya daripada menyiasat kedua-dua perlakuan yang berbangkit daripada sidang akhbar pada 30 Mac 2026 dan apa-apa perlakuan susulan dalam menentukan tindakan penguatkuasaan yang sesuai di bawah Akta Persaingan 2010.

11. Perusahaan selanjutnya mengakui bahawa sebarang pelanggaran Aku Janji ini atau apa-apa perlakuan susulan yang mungkin membentuk suatu pelanggaran Akta Persaingan 2010 akan dianggap sebagai perkara yang serius oleh Suruhanjaya. Dalam keadaan sedemikian, Suruhanjaya boleh mengambil tindakan penguatkuasaan sebagaimana yang dianggap sesuai di bawah Akta Persaingan 2010 yang mungkin membawa kepada pengenaan penalti kewangan.

Pengakuan


12. Perusahaan mengakui bahawa:

- (i) menurut seksyen 43(3) Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya hendaklah membuat Aku Janji ini tersedia untuk diperiksa oleh orang awam dengan menerbitkannya di laman web Suruhanjaya di www.mycc.gov.my;
- (ii) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, membuat rujukan awam mengenai Aku Janji ini, termasuk dalam kenyataan media, penerbitan dan komunikasi awam lain yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya; dan
- (iii) Aku Janji ini tidak menjejaskan atau memberi kesan kepada apa-apa hak dan remedi yang tersedia kepada mana-mana pihak yang timbul daripada perlakuan yang diterangkan dalam Aku Janji ini.

Dipersetujui dan ditandatangani oleh:



Persatuan Van Pelancongan Malaysia
(PPM - 018-14-13032019)



Simon Sim (P.P.W)
Pengerusi PVPM

Sim Kai Siong (Simon Gor)

(Pengerusi, *Persatuan Van Pelancongan Malaysia*)

Pada⁰¹..... hari bulan^{Julai}..... 2026.

Diterima oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia,



TAN SRI DATO' SRI IDRUS BIN HARUN
Chairman

Malaysia Competition Commission (MyCC)

Pengerusi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Pada⁰¹..... hari bulan^{Julai}..... 2026.

Bagi pihak pemegang jawatan dan ahli-ahli jawatankuasa PVPM yang disenaraikan di bawah:

1. Seance Marketing Vacations Sdn Bhd

No. 7-2R, Jalan 5/154D, Taman Desa Cheras, 56100 Kuala Lumpur

2. Chin Peng Lorry Transport Sdn Bhd

Tingkat 1, No. 20, Jalan Kemboja 12, Taman Aman, 42700 Banting, Selangor

3. Film Asia Pacific Sdn Bhd

No. 157, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

4. Room Interior Products Sdn Bhd

55-2, Jalan Equine 10, Taman Equine, 43300 Seri Kembangan, Selangor

5. William Driving Agency

No. 24M, Jalan SS21/35, Damansara Utama, 47400 Petaling Jaya, Selangor

6. Boss N Expat Travel Sdn Bhd

9A, 1st Floor, Jalan Kapar, 41400 Klang, Selangor

7. Big Asia World Travel & Tour Sdn Bhd

No.16-2, Jalan C180/1, Dataran C180, 43200 Cheras, Selangor

8. Mon Li Travel & Tour Sdn Bhd

2A-D, Tingkat 2, Jalan 6/2, Taman Komersial Pandan Indah, Kuala Lumpur

PENGUMUMAN PERMOHONAN MAAF OLEH PERSATUAN VAN PELANCONGAN MALAYSIA

Persatuan Van Pelancongan Malaysia (“PVPM”) menyesal dan memohon maaf kepada orang awam berhubung pengumuman tambang siling bagi perkhidmatan bas pelancongan dan van pelancongan yang dibuat semasa sidang akhbar bersama yang diadakan pada 30 Mac 2026 di Dorsett Hotel, Kuala Lumpur, bersama-sama dengan *Malaysian Inbound Tourism Association*, *Malaysian Indian Tour & Travel Association* dan *Malaysian Tourist Guides Council*.

Berikutan sidang akhbar tersebut Suruhanjaya Persaingan (“MyCC”), melalui arahan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, telah memulakan suatu penyiasatan di bawah Akta Persaingan 2010.

Dalam tempoh penyiasatan tersebut, PVPM mengakui bahawa pengumuman tambang siling tersebut mungkin menimbulkan isu persaingan di bawah Akta Persaingan 2010.

Sehubungan itu, PVPM dengan ini menarik balik pengumuman tambang siling yang dibuat pada 30 Mac 2026. PVPM juga telah mengarahkan ahli-ahlinya untuk tidak melaksanakan, menggunakan atau bergantung kepada tambang siling tersebut. Semua pengendali bas pelancongan dan van pelancongan adalah bebas untuk

menentukan dan menetapkan harga mereka secara bebas mengikut pertimbangan komersial masing-masing.

Selanjutnya, PVPM secara sukarela telah memberikan aku janji kepada MyCC menurut seksyen 43 Akta Persaingan 2010. Melalui aku janji tersebut, PVPM telah komited untuk tidak terlibat dalam sebarang kelakuan antipersaingan dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mematuhi Akta Persaingan 2010 dalam kalangan ahli jawatankuasa dan ahli-ahlinya.

PVPM mengakui kepentingan mengekalkan sebuah pasaran yang kompetitif, telus dan adil demi kepentingan pengguna, peniaga dan industri pelancongan. PVPM juga menggesa semua perusahaan dan persatuan industri di Malaysia untuk memastikan bahawa semua keputusan komersial termasuk yang berkaitan dengan harga, caj dan syarat-syarat perdagangan lain dibuat secara bebas dan selaras dengan Akta Persaingan 2010.